



**Circular No 129/2020
Dated 29 Apr 2020**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

Update (29 Apr 2020) | Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order: Standard Operating Procedure and Operating Guidelines for the Legal Sector

We refer to [Circular No 099/2020](#) entitled “Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order” dated 11 Apr 2020, [Circular No 105/2020](#) entitled “Update | Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order” dated 14 Apr 2020”, and [Circular No 106/2020](#) entitled “Update | Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order: Standard Operating Procedure and Operating Guidelines for the Legal Sector” dated 15 Apr 2020.

The Ministry of International Trade and Industry (“MITI”) has provided us with the Standard Operating Procedure (“SOP”) and operating guidelines for the legal sector, during the period of the Movement Control Order (“MCO”). This latest SOP has received the endorsement of the Legal Affairs Division of the Prime Minister’s Department (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, “BHEUU”).

Please click [here](#) to view the document (see page 2 to 11).

We have also been informed by MITI that applications by eligible law firms will be processed, starting today. Should you have any enquiries relating to legal services, please contact BHEUU’s call centre by telephone at 03-8885 1002.

In this regard, the Bar Council has requested that the firms that are allowed to operate be expanded and not limited to only firms that are doing conveyancing and corporate work, which are linked to essential services. The Bar Council has also requested that allowing law firms leeway to operate would only be meaningful if other government agencies on which they rely on, are also allowed to resume operations, with the necessary health and safety requirements put in place.

We hope that the information provided here is of assistance to Members. We will update Members as and when we receive any information from the relevant bodies, and when there are new developments.

Thank you.

**A G Kalidas
Secretary
Malaysian Bar**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
DAN
GARIS PANDUAN KEBENARAN
BEROPERASI SERTA PERGERAKAN
PEKERJA BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN
BERKAITAN DENGAN GUAMAN
DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**



2020

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN
KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI
SEKTOR PERKHIDMATAN BERKAITAN DENGAN GUAMAN DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

SKOP PERKHIDMATAN BERKAITAN DENGAN GUAMAN

1. Cabang dalam sektor perkhidmatan berkaitan dengan guaman yang dibenarkan untuk beroperasi ialah cabang *conveyancing* dan korporat yang melibatkan urusan berkaitan dengan perkhidmatan perlu (*essential services*) iaitu termasuk apa-apa aktiviti dan proses dalam rangkaian pembekalan perkhidmatan perlu.

WAKTU OPERASI FIRMA GUAMAN

2. Sepanjang tempoh PKP, tempoh masa operasi yang dibenarkan adalah untuk enam (6) jam sahaja daripada jam 10.00 pagi sehingga jam 4.00 petang.
3. Premis firma guaman dibenarkan untuk dibuka dua (2) hari bekerja sahaja dalam seminggu iaitu pada hari Selasa dan Khamis tertakluk kepada tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan 2.
4. Waktu operasi firma guaman ini hanya diperuntukkan untuk tujuan seperti yang berikut:

- (a) konsultasi dengan anak guam hanya bagi perkara yang benar-benar mendesak dengan kehadiran anak guam terhadap kepada tiga (3) orang pada satu-satu masa;
- (b) kerja-kerja pembersihan (disinfeksi) premis; dan
- (c) kerja-kerja perkeranian dan pentadbiran (contoh: urusan rekod bayaran/pajakan dan bayaran gaji pekerja).

PENYEDIAAN PREMIS SEBAGAI LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19

- 5. Firma guaman perlu memastikan premis dibersihkan pada hari ianya beroperasi dengan kaedah yang telah disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 6. Firma guaman hendaklah membuat proses disinfeksi yang melibatkan disinfeksi ke atas perabot, lantai dan apa jua kemudahan dan fasiliti yang terdapat di premis untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19.
- 7. Sekiranya urusan antara pekerja dan anak guam perlu dibuat secara bersemuka, ia hendaklah dibuat di pejabat peguam yang berkaitan dengan urusan anak guam. Kehadiran anak guam hendaklah direkodkan dalam buku kehadiran anak guam beserta maklumat nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar, tandatangan keluar dan catatan urusan. Rekod kehadiran ini hendaklah

disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP.

8. Firma guaman perlu memastikan pekerjaanya sentiasa mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*) apabila bersemuka dengan anak guam.
9. Firma guaman perlu memastikan topeng muka (*face mask*) disediakan di premis dan mencukupi untuk dipakai oleh pekerjaanya dan anak guamnya semasa waktu operasi di premis.
10. Firma guaman hendaklah menyediakan pembersih tangan (*hand sanitiser*) yang dipercayai berkesan dalam membunuh kuman (sekurang-kurangnya mengandungi 70% kandungan alkohol) dengan mencukupi bagi kegunaan pekerja dan anak guamnya di premis dan pembersih tangan tersebut hendaklah diletakkan di pintu masuk premis dan di lokasi yang mudah dicapai oleh pekerja dan anak guam.
11. Firma guaman hendaklah memastikan tidak lebih tiga (3) orang anak guam yang berada dalam premis dalam satu tempoh masa.
12. Saringan suhu badan atau *thermal scanner* perlu dilakukan di pintu masuk premis bagi setiap pekerja dan anak guam. Pekerja dan anak guam yang suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius hendaklah tidak dibenarkan untuk masuk ke premis. Bacaan suhu bagi setiap perkerja dan anak guam hendaklah direkod dan disimpan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan.

13. Firma guaman hendaklah menyediakan paparan mesej di tempat yang mudah dibaca dan di luar premis yang meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:
- (a) waktu operasi baharu sepanjang tempoh PKP;
 - (b) tidak lebih tiga (3) orang anak guam dibenarkan dalam premis dalam satu tempoh masa;
 - (c) saringan suhu badan atau *thermal scanner* perlu dilakukan di pintu masuk premis bagi setiap pekerja dan anak guam. Pekerja dan anak guam yang suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius hendaklah tidak dibenarkan untuk masuk ke premis; dan
 - (d) anak guam hendaklah memakai topeng muka (*face mask*) dan menggunakan *hand sanitizer* sebelum masuk ke dalam premis.

TANGGUNGJAWAB FIRMA GUAMAN

14. Firma guaman hendaklah mengemukakan kepada MITI senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP dan menasihatkan agar pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke premis sahaja.
15. Firma guaman hendaklah memastikan bilangan pekerja yang dibenarkan berkhidmat pada satu-satu masa/hari adalah tertakluk kepada komposisi firma guaman termasuk cawangan, sekiranya

ada, (merangkumi rakan kongsi, peguam kanan, peguam, kakitangan am dan penghantar surat) iaitu berdasarkan deklarasi jumlah kakitangan firma sewaktu permohonan dibuat. Komposisi firma guaman dan peratusan maksimum yang dibenarkan oleh MITI pada satu-satu masa adalah seperti yang berikut:

Komposisi Kakitangan Firma Guaman	Kelulusan maksimum oleh MITI pada satu-satu masa berdasarkan peratusan/bilangan
21 orang ke atas	20%
10-20 orang	30%
Kurang dari 10 orang	3 orang

16. Firma guaman hendaklah memastikan jumlah kehadiran setiap pekerja pada setiap masa direkodkan dalam buku daftar khas dengan tulisan tangan pekerja berkenaan dengan rekod nama, nombor kad pengenalan, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod kehadiran seperti format di **Lampiran A** hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP.

17. Firma guaman hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* dan pengukuran suhu badan bagi setiap pekerja hendaklah dibuat di pintu masuk premis sebelum memulakan operasi.

18. Firma guaman hendaklah merekodkan dan menyimpan bacaan suhu badan bagi setiap pekerja yang bertugas dalam tempoh

waktu operasi untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan.

19. Sekiranya terdapat pekerja-pekerja yang berada di bawah pemerhatian KKM (*person under investigation / person under surveillance*) atau di bawah perintah pemerhatian di rumah, pekerja terbabit tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
20. Firma guaman hendaklah menyediakan apa-apa bentuk surat pengesahan kepada setiap pekerja untuk membuktikan keperluan hadir bekerja di premis.

PENGUATKUASAAN

21. MITI akan mengeluarkan surat pengesahan perkhidmatan kepada firma guaman yang dibenarkan untuk beroperasi.
22. Surat pengesahan berkenaan hendaklah dipamerkan dengan jelas di premis firma guaman.
23. PDRM/RELA/JTK/PBT/JKKP atau mana-mana Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
24. Berdasarkan kuasa yang diberikan KKM, PDRM, PBT atau mana-mana Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] boleh mengarahkan penutupan premis dengan serta merta

sekiranya ada pelanggaran terhadap syarat kebenaran (bilangan pekerja, penjarakan sosial, alat pelindung diri, saringan suhu badan dan sebagainya) yang diberikan.

25. Ketidakpatuhan firma guaman terhadap arahan pematuhan operasi sepanjang PKP hendaklah dilaporkan kepada pihak PDRM.
26. SOP ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:
 - a. Firma dikehendaki untuk mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan dan termasuklah tanggungjawab seperti di perenggan 14 hingga 20 SOP ini;
 - b. Pekerja dan anak guam yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius adalah tidak dibenarkan untuk memasuki premis dan menjadi tanggungjawab firma guaman menasihatkan pekerja berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan/Klinik Panel;
 - c. Prosedur pencegahan Covid-19 hendaklah dipatuhi termasuk penjarakan sosial (*social distancing*);
 - d. Firma hendaklah menyediakan *hand sanitizer* serta memastikan pemakaian *face mask* oleh pekerja adalah dipatuhi pada setiap masa;
 - e. Firma hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis sebanyak 2 kali sehari khususnya di kawasan tumpuan (sewaktu operasi); dan

- f. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, firma guaman hendaklah menanggung kos perubatan dan kos-kos berkaitan tertakluk kepada kontrak perkhidmatan, polisi firma guaman berhubung dengan faedah pekerja dan terma insurans yang diambil oleh firma guaman ke atas pekerja.

****SOP ini boleh dipinda dari masa ke semasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan tertakluk kepada situasi semasa.***

